

**POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI
JOURNAL OF SOCIAL SCIENCES AND HUMANITIES**

EXECUTIVE ADVISORY BOARD

Chairman of the Board

Ts. Dr. Mohammad Naim Bin Yaakub
*Director General,
Department of Polytechnic and Community College Education (Malaysia)*

Chief Executive Board

Dr. Ishak Bin Mohamad
*Director of Centre Research and Innovation,
Department of Polytechnic and Community College
Education (Malaysia)*

Manager Editorial Board

Ts. Dr. Mohd Norhadi Bin Muda
*Deputy Director of Centre Research and Innovation,
Department of Polytechnic and Community College
Education (Malaysia)*

Cr. Dr. Saifuddin Kumar Bin Abdullah
*Deputy Director of Centre Research and Innovation,
Department of Polytechnic and Community College
Education (Malaysia)*

Prof Madya Dr. Mazura Binti Mustafa
*Faculty of Languages and Communication
Engineering
Universiti Pendidikan Sultan Idris (Malaysia)*

Dr. Sumaanti (Indonesia)
Ibnu Sina College Batam (Indonesia)

Dr. Irdayanti Binti Mat Nashir
*Fakulti Teknikal dan Vokasional
Universiti Pendidikan Sultan Idris (Malaysia)*

Dr. Muhammad Juni Beddu (Indonesia)
Ibnu Sina College Batam (Indonesia)

Executive Editor

Dr. Mohd Norhadi Bin Muda (Chief)
Pn. Elmiza Binti Roslan
En. Mohd Khairul Nizam Bin Abdul Talib

Dr. Najib Bin Hamdan
En. Mohd Khairul Ashraf Bin Muhamad

Editorial Board

Ir. Dr. Khalid Ghazi Bin Ali
Dr. Reezlin Bin Abdul Rahman
Dr. Annafatmawaty Binti Ismail
Dr. Asliza Binti Yusoff.

Dr. Baharuddin Bin Mustapha
Dr. Norashady Bin Mohd Nor
Dr. Mohd Razuan Bin Abdul Razak
Dr. Nor Aziza Binti Abdul Aziz

Articles

- Passengers Satisfaction Towards Service Quality in Malindo Airlines
Nor Laila Hassan, Rasidah Sapri, Aziam Mustafa, Nur Nazira Mohammad, Misalini Rajamanikam, Siti Maisarah Mahmood 1-11
-
- Kesan Penggunaan CAD3D Sebagai Medium Penjanaaan Idea Inovasi Berbanding Lakaran Tangan.
Muhamad Sani Buang, Anwar Hamid @ Pa 12-25
-
- Change-Specific Cynicism among Academia in Malaysian Polytechnics
Zamzam Mohd Walid, Nor Azila Mohd Noor, Dzulkarnain Musa 26-40
-
- Kemahiran Belajar Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah di Politeknik Selangor
Normurni Mohamad, Haslina Abdullah, Tengku Radziatan Mardziiah Tengku A.Razak 41-53
-
- Linking Entrepreneurial Behaviour and Business Performance of Indigenous Agripreneurs in Sabah
Melvin Mojikon, Chin Yuk Fong, Doretty R. Jiroh 54-64
-
- Extended Theory of Planned Behaviour: Electrical Energy Saving at Workplace
Zaidi Shariff, Rasmuna Hussain, Sharina Safiee 65-75
-
- The Strategic Effectiveness on Implementation of Solid Waste Management at Kuala Lumpur International Airport
Haliza Ahmad Suhaimi, Fadhilah Mohd Nor, Syamer Mohd Nasir 76-84
-
- Penggunaan Penguji Komponen Litar Kawalan Motor bagi Pelajar Program Sijil Teknologi Elektrik di Kolej Komuniti Tawau
Muhammad Arid Abdulahim, Mohd Zulhasnan Mat, Fadli Bacho 85-94
-
- Penilaian Prestasi Kewangan Melalui Analisis Nisbah
Moriza Fikri, Wan Mustafa Wan Yusoff, Azmah Salleh 95-104
-
- Effect of Bokashi Leachate Application on Maize (*Zea mays L.*) Crops
Mohd Akmal Shafiq Buang 105-111
-
- Customer Satisfaction on Service Quality Toward Tsp Course Among Lecturers and Students in Politeknik Ungku Omar
Suryani Amin 112-120

Rubrics Development on Product Design Innovation: Validity and Reliability Tests Anwar Hamid Pa, Hajaratul Ahmad	121-133
Awareness of Halal Supply Chain among Traders in Farmers' Market around Klang Valley Area, Malaysia Umi Kalthom Abdullah, Yusmina Mohd Yusoff, Zuliana Zainal Abidin	134-144
A Study on Causal Relationship between Food Handler's Awareness and Safe Food Handling Practices in Malaysia Mohamad Hapiz Abdul Rahman	145-162
Menentukan Kesahan Dan Kebolehpercayaan Item Pentaksiran Mata Pelajaran Rombak Rawat Sistem Klac Dengan Menggunakan Model Pengukuran Rasch Muhammad Amirul Abdullah, Turina Tumeran	163-173
Financial Analysis of PT. Asuransi Harta Aman Pratama, Tbk. Using The Financial Ratio In Statement of Financial Accounting Standards (PSAK) No. 28 Dyah Puspitasari Sunaryo Putri	174-187
Potensi Larvasid Nyamuk daripada Ekstrak Bunga Kantan (Etlingera Elatior) terhadap Culex Quinquefasciatus Zalina Awang, Mohd Nor Hakiki Husin, Siti Syarifah Akma Abdullah	188-201
Trends in Engineering Student Admission: Preliminary Study of Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah Syaiful Baharee Jaafar, Mohd Yusaini Mohamed Ali, Husaini Aza Mohd Adam	202-213
The Students' Acceptability Model of the Web Based Academic Information System (SIK)	214-232
Haeryip Sihombing, Herlina, Kannan Rassiah, Mohd Yuhazri Yaakob, Siti Norbaya Yahaya	

Kemahiran Belajar Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah di Politeknik Selangor

Normurni Mohamad
Politeknik Banting
zinie_anis@yahoo.com

Haslina Abdullah
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
ahaslina@psa.edu.my

Tengku Radziation Mardziah Tengku A.Razak
Politeknik Sultan Idris Shah
tengku_mardiah@psis.edu.my

Abstract

One of the most important employability features is the learning skills which can uplift the economic status in the 21st century. In addition, employees with learning skills are also required by employers. Problem-based learning (PBM) is an active learning method that enables students to “learn how to learn”, develop strong curiosity and enable them to have ongoing learning skills. Therefore, this study is aimed at identifying the level of learning skills through the PBM method in Selangor Polytechnic (PBS, PSA and PSIS). A total of 229 Muslim students who took DUA 2012 Science, Technology and Engineering in Islam course were involved in this study. A set of questionnaires consisting of 14 items using a five-point likert scale was used as a research instrument. The level of learning skills was determined by descriptive data analysis while the inference analysis was used to find differences in student learning skills between polytechnics in Selangor. The findings of the study found that Selangor polytechnic students had high levels of learning skills (min = 4.02, sp = 0.541). One-way ANOVA tests revealed that there were significant learning skills differences between PBS, PSA and PSIS with F values (2,226) = 3.356, $p < .05$ involving PBS students (mean = 3.84, sd = .506) and PSA students (mean = 4.07, sd = .543), $p < .05$. However, Multiple Comparison found that there was no significant difference in learning skills between PBS and PSIS students (mean = 4.08, sd = .542), $p > .05$ and also between PSA and PSIS students, $p > .05$. As a summary of this study, the researcher had also included some suggestions to improve the level of learning skills.

Keywords: *Learning skills, Problem based learning, Selangor Polytechnics*

Abstrak

Kemahiran belajar merupakan kunci kepada perubahan status ekonomi bagi kemahiran abad ke 21 serta merupakan ciri kebolehpasaran yang sangat dititberatkan oleh para majikan. Pembelajaran berasaskan masalah (PBM) pula merupakan satu kaedah pembelajaran yang aktif dan membolehkan pelajar “belajar bagaimana belajar” (learning by doing) serta meningkatkan rasa ingin tahu yang kuat serta menjadikan pelajar memiliki kemahiran belajar yang berterusan. Justeru, Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kemahiran belajar pelajar Politeknik Selangor melalui kaedah PBM di Politeknik Selangor (PBS, PSA dan PSIS). Responden kajian adalah seramai 229 orang yang terdiri daripada pelajar muslim yang mengambil kursus DUA 2012 Sains, Teknologi dan Kejuruteraan Dalam Islam. 14 item soalan menggunakan skala likert lima mata menjadi instrumen kajian dalam soal selidik yang dibangunkan. Tahap kemahiran belajar ditentukan dengan melihat analisis data secara deskriptif manakala analisis inferensi diguna dalam melihat perbezaan kemahiran belajar pelajar antara politeknik di negeri Selangor. Dapatan kajian mendapati bahawa pelajar politeknik Selangor memiliki tahap kemahiran belajar yang tinggi tahap (min=4.02, sp=0.541). Ujian ANOVA satu hala pula menunjukkan terdapat perbezaan kemahiran belajar yang signifikan antara PBS, PSA dan PSIS dengan nilai F (2,226)=3.356,

41

$p < .05$ iaitu melibatkan pelajar PBS (min=3.84, sp=.506) dan pelajar PSA (min=4.07, sp=.543), $p < .05$. Namun, *Multiple Comparison* mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan bagi kemahiran belajar antara pelajar PBS dan PSIS (min=4.08, sp=.542), $p > .05$ dan juga antara pelajar PSA dan PSIS, $p > .05$. Sebagai rumusan dalam kajian ini, pengkaji turut memberi cadangan untuk meningkatkan tahap kemahiran belajar.

Kata kunci: Kemahiran belajar, Pembelajaran berasaskan masalah, Politeknik Selangor

1.0 Pendahuluan

Pembangunan modal insan merupakan faktor kritikal yang menjadi teras bagi satu daripada enam strategi tumpuan dalam Rancangan Malaysia ke-11 2016-2020 (RMK-11). Sangat penting bagi kita untuk membangunkan modal insan agar pertumbuhan ekonomi Malaysia dapat dijana dan dikekalkan melalui penghasilan dan ketersediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Para majikan memerlukan pekerja yang dapat menyumbang kepada penambahbaikan dan peningkatan diri dan operasi organisasi secara berterusan melalui kemahiran belajar terutamanya berkaitan dengan kehadiran teknologi baru (Akmal Nor Wajihah, 2018). Pekerja perlu memiliki kemahiran belajar dalam menggunakan sesuatu teknologi baru terutamanya teknologi yang diimport dari luar negara apatahlagi terhadap juruteknik untuk mengurus dan menyelenggara mesin. Malah, sesuatu proses pengeluaran dan keluaran dapat diperbaiki serta daya saing organisasi dapat ditingkatkan apabila pekerja mampu mengemaskini pengetahuan berkaitan kemahiran yang berkenaan (Mohd Izham et al, 2011).

Maka, tidak hairanlah apabila kemahiran belajar menjadi satu ciri kebolehpasaran yang sangat dititikberatkan oleh para majikan terhadap tenaga kerja mereka seperti yang dinyatakan oleh Zuriawahida (2016). Ini adalah kerana, kemahiran belajar secara berterusan membolehkan para pekerja menyesuaikan diri dengan tugas yang lebih spesifik serta menjadikan mereka lebih peka terhadap perkembangan dasar organisasi. Pembelajaran sendiri atau belajar melalui orang lain membolehkan mereka mengikuti proses dan keluaran organisasi dengan lebih baik.

Kemahiran belajar adalah keupayaan seseorang untuk belajar sendiri serta menghargai nilai pembelajaran sepanjang hayat (Hashim, 2012; Rufaizal & Azuin, 2015). Dari sudut definisi, ditaarifkan sebagai kemahiran yang membolehkan pelajar mencari, menilai, memilih, menyusun, menyimpan dan menyampaikan ilmu pengetahuan. Kemahiran membaca, kemahiran mendengar, kemahiran mencatat nota, kemahiran mengingat, dan disiplin diri adalah merupakan lima elemen yang boleh diperolehi pelajar dalam kemahiran belajar (Mohd Yunos, 1990; Mohd Najib & Nor Shafrin 2008). Kemahiran membaca membolehkan pelajar menggunakan maklumat ke dalam situasi yang baru melalui proses berfikir. Pelajar perlu memberi tumpuan sepenuhnya kepada guru yang mengajar untuk memiliki kemahiran mendengar yang melibatkan deria telinga, mata dan hati semasa mendengar. Merekod isi penting yang diperolehi dari pelbagai sumber seperti kuliah, buku, atau sumber lain dapat membantu pelajar memiliki kemahiran kemahiran mencatat nota (Baharin, 2007). Kemahiran mengingat pula merujuk kepada proses simpanan maklumat dan pengalaman secara mental

serta mampu dikeluarkan semula dalam pembelajaran seterusnya atau untuk menyelesaikan masalah. Manakala, disiplin diri merupakan kesungguhan seseorang dalam mematuhi peraturan pembelajaran seperti mengikut jadual pembelajaran, menentukan tugas yang hendak dilakukan dan membahagikan masa belajar (Mohd Najib & Nor Shafrin, 2008).

Justeru itu, guru memegang tanggungjawab yang besar dalam peranannya untuk membantu pelajar memiliki kemahiran belajar tersebut melalui pendedahan terhadap kemahiran belajar yang diusahakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2001). Guru perlu memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat membantu pelajar untuk melengkapkan diri dengan kemahiran belajar dan ilmu pengetahuan yang dapat digunakan dalam bidang pekerjaan kelak. Antaranya adalah dengan menggunakan kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) atau *Problem Based Learning*. Ab. Halim Tamuri & Siti Muhibah (2015), dan Alizah Lambri & Zamri Mahamod (2015) berpendapat bahawa PBM merupakan satu kaedah pembelajaran yang aktif serta membolehkan pelajar “belajar bagaimana belajar” (*learning by doing*). Selain itu, Cornish, (2007) menyatakan bahawa konsep “*learning how to learn*” dalam kemahiran belajar meningkatkan keinginan ingin tahu yang kuat serta menjadikan pelajar memiliki kemahiran belajar yang berterusan. Hafisah (2008) pula memaklumkan bahawa konsep tersebut mampu menjadikan pelajar berdikari melalui usaha mereka mendapatkan maklumat dari pelbagai sumber. Malah, ianya dapat memberi motivasi yang tinggi untuk mempelajari perkara baru, meningkatkan pengetahuan pelajar agar mampu mengikuti perkembangan dan keperluan semasa (Ahmad Firdaus, 2007), dan memastikan matlamat pembelajaran seumur hidup dapat direalisasikan (Salmiza & Afik, 2012). Maka boleh dikatakan, kemahiran belajar melambangkan sikap dan potensi seseorang untuk berjaya secara berterusan seperti yang disebut oleh Cornish (2007), Hafisah (2008) dan Musliha Salma (2010). Kemahiran sangat penting untuk dikuasai agar pelajar dapat memupuk rasa tanggungjawab sendiri, menjadikan mereka lebih berdikari serta mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat ke arah kehidupan yang lebih cemerlang.

2.0 Permasalahan kajian

Menurut Baharin (2003) dan Baharin et al. (2007), kurangnya pengetahuan dalam mencari kemahiran belajar yang bersesuaian menyebabkan pelajar menghadapi masalah sehingga mereka gagal mencapai kejayaan yang cemerlang. Sedangkan kemahiran belajar dan inovasi merupakan faktor utama dalam skala kemahiran abad ke-21. Selain daripada itu, kemahiran teknologi maklumat, komunikasi dan media; dan kemahiran hidup dan kerjaya merupakan dua lagi faktor skala kemahiran abad ke-21 yang sangat diperlukan (Tusson, 2008).

Salmiza & Afik (2012) pula mendapati kemahiran belajar pelajar berada pada tahap yang sederhana. Malah, Kamaruddin (2000) dalam kajiannya pula mendapati 58% pelajar memiliki kemahiran membaca pada tahap sederhana. Hal ini amat membimbangkan kerana kemahiran belajar merupakan kunci kepada perubahan status ekonomi bagi kemahiran abad

ke 21. Pelajar perlu menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku melalui pembelajaran secara berterusan.

Tambahan pula, menurut Sarena (2003), teknik belajar secara formal kurang diberi penekanan dalam sistem pendidikan di Malaysia atau pelajar memiliki kemahiran belajar hanya secara kebetulan sahaja. Ini menyebabkan pelajar menghadapi masalah dalam membahagikan masa, mencatat nota, merancang kerja, dan tidak sempat membaca nota sehingga habis sebelum peperiksaan. Sedangkan, pelajar perlu menguasai ilmu dan kemahiran belajar dengan cepat agar proses pengkodan maklumat menjadi lebih pantas dan efisien. Malah, menurut Baharin et.al (2007), bagaimana pelajar belajar akan mempengaruhi kejayaan mereka dalam bidang akademik ataupun kurikulum.

Pengkaji mendapati, banyak kajian lepas yang berkaitan kemahiran belajar samada di sekolah atau peringkat IPT telah dilaksanakan seperti kajian kemahiran belajar dalam kalangan pelajar aliran sains di sekolah menengah di Malaysia oleh Salmiza & Afik (2012); kajian hubungan kemahiran belajar dengan pencapaian akademik oleh Mohd Najib dan Nor Shafrin (2008) dan Nurahimah et al (2012); kemahiran belajar dan inovasi dalam pembelajaran abad ke 21 melalui Khemah Kerja Geoteknik oleh Rufaizal dan Azuin (2015) ; dan kajian kemahiran belajar dan kepelbagaian gaya pembelajaran pelajar Fakulti Pendidikan UTM Johor oleh Baharin et al (2007). Namun, kajian kemahiran belajar menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan masalah kurang dilaksanakan, apatah lagi melibatkan modul pembelajaran Pendidikan Islam di Politeknik. Justeru itu, kajian ini dibuat untuk mengkaji kemahiran belajar pelajar setelah menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan masalah di politeknik Selangor. Terdapat dua objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti tahap kemahiran belajar melalui pembelajaran berasaskan masalah dalam kursus STK di politeknik Selangor dan kedua adalah untuk mengenal pasti perbezaan kemahiran belajar di antara politeknik.

3.0 Metodologi

Penyelidikan ini bertujuan memberi penjelasan bagaimana PBM memberi kesan terhadap kemahiran belajar pelajar politeknik. Pendekatan *cross-sectional* digunakan dalam kajian yang melibatkan satu titik masa sahaja. Justeru, kajian tinjauan menggunakan borang soal selidik digunakan oleh pengkaji melibatkan kajian kuantitatif berbentuk deskriptif bagi menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku dengan cara mendapatkan maklum balas daripada responden. Ia juga membolehkan bidang yang belum dikaji atau kurang dikaji untuk diterokai (Mohd Majid, 1994). Pelajar muslim semester dua sesi Jun 2018 yang mengambil kursus DUA 2012 Sains Teknologi Dan Kejuruteraan Dalam Islam (STK) di politeknik Selangor adalah merupakan populasi kajian. Formula 'modal insan' yang diimpikan majikan dan Kementerian Pendidikan menjadi faktor utama pemilihan responden kajian. Formula ini di ajar dalam Bab 1: Konsep Islam Sebagai ad-Din yang melibatkan tajuk akidah, syariah dan akhlak. Selain daripada itu, empat bab lain yang terkandung dalam silibus kursus STK ialah Bab 2: Sains, Teknologi dan Kejuruteraan Dalam Islam; Bab 3: Wahyu

Sebagai Sumber Sains, Teknologi dan Kejuruteraan Dalam Islam; Bab 4: Peranan dan Prinsip Syariah; dan Bab 5: Kaedah Fiqh. Malah, kaedah PBM turut diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus ini yang menjadi faktor utama kajian dilaksanakan ke atas populasi tersebut.

Politeknik Selangor terdiri daripada tiga buah politeknik iaitu Politeknik Banting (PBS) di Banting, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) di Shah Alam, dan Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) di Sabak Bernam. Populasi keseluruhan kajian adalah seramai 365 orang pelajar yang terdiri daripada, 49 pelajar PBS, 223 pelajar PSA dan 93 pelajar PSIS. Kaedah persampelan rawak berstrata berkadaran digunakan dalam kajian ini memandangkan terdapat bilangan pelajar yang tidak sama bagi setiap politeknik. Bilangan sample pelajar yang diperlukan bagi PBS adalah seramai 30 orang (16.1%), 109 orang (58.6%) di PSA dan 47 orang (25.3%) di PSIS. Penentuan bilangan sampel adalah menepati saranan Krejcie dan Morgan (1970) iaitu sample seramai 186 orang adalah memadai bagi saiz populasi seramai 360 orang. Pengkaji memilih menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data kerana menurut Junaidah (2007) penggunaan soal selidik adalah berkesan dan menjimatkan masa berbanding dengan kaedah lain.

3.1 Instrumen kajian

Instumen kajian menggunakan soal selidik yang dibangunkan oleh Musliha Salma (2010) dan sebahagiannya dibangunkan sendiri oleh pengkaji. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A yang terdiri daripada tiga soalan berkaitan latar belakang responden, dan bahagian B yang terdiri daripada 14 soalan berkaitan kemahiran belajar melalui PBM. Soal selidik menggunakan skala likert 5 mata dengan nilai 1 = "lemah", 2 = "kurang memuaskan", 3 = "sederhana", 4 = "baik", dan 5 = "cemerlang".

Bagi tujuan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik Bahagian B, pengkaji telah menjalankan kajian rintis terhadap 32 orang pelajar yang memiliki ciri-ciri yang hampir sama dengan sampel kajian. Mereka adalah pelajar muslim sesi Disember 2017 di Politeknik Banting Selangor. Nilai Ujian Cronbach's Alpha yang diperolehi ialah 0.915 yang melebihi nilai pekali alpha 0.8 sekaligus menunjukkan instrumen boleh dipercayai seperti yang dinyatakan oleh Brymen & Cramer (1999); Aiken (2000); dan Zaidatun & Mohd Salleh (2003).

Data yang diperolehi dianalisis menggunakan *Statistical Package For Sosial Science* (SPSS) versi 22.0. Pengkaji menggunakan analisis deskriptif untuk menentukan tahap kemahiran belajar, manakala analisis inferensi diguna dalam melihat perbezaan kemahiran belajar di antara politeknik Selangor. Proses transformasi kod semula (*recode*) bagi satu item negatif dilakukan semasa memproses data untuk mengekalkan unidimensi kaji selidik tetapi penulisan persoalan kajian adalah dikekalkan seperti asal. Nilai Cronbach's Alpha bagi keseluruhan 14 item soal soal selidik selepas *direcode* ialah 0.904. Ujian *normality* pula menunjukkan data adalah bertabur secara normal dengan PBS: 0.521, $p > 0.05$, PSA: 0.319, $p > 0.05$ dan PSIS: 0.066, $p > 0.05$. Dapatan dari ujian levene pula menunjukkan ketiga-tiga politeknik mempunyai keseragaman varian dengan nilai 0.815, $p > 0.05$ yang membolehkan analisis ANOVA satu hala digunakan.

4.0 Dapatan kajian

Persoalan kajian yang pertama berkaitan tahap kemahiran belajar pelajar politeknik terjawab dengan hasil analisis deskriptif yang menunjukkan bahawa tahap kemahiran belajar pelajar politeknik berada pada tahap yang tinggi dengan nilai $\min=4.02$, $sp=0.541$ seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Pelajar politeknik Selangor mempunyai tahap yang tinggi dalam kebanyakan item kemahiran belajar. Namun, 59.8% pelajar berada pada aras sederhana hingga lemah dalam menyampaikan semula ilmu pengetahuan sedangkan 24% pada aras yang baik dan hanya 16.2% sahaja pelajar yang cemerlang dalam menyampaikan semula ilmu pengetahuan yang dimiliki. Pelajar politeknik Selangor didapati memiliki kemahiran belajar yang baik dan cemerlang bagi 13 item yang lainnya iaitu sentiasa berusaha meningkatkan ilmu (83.9%), mahir mendapatkan maklumat dari pelbagai sumber (83.4%), bersungguh dalam melakukan sesuatu kerja hingga berjaya (83.4%), bermotivasi tinggi untuk mempelajari perkara baru (81.3%), berdikari dalam pembelajaran diri sendiri (80.8%), mahir membaca (80.8%), mahir mendengar (79.9%), berkebolehan memilih ilmu (77.8%), mempunyai sifat ingin tahu yang sangat mendalam (79.1%), berkebolehan menilai ilmu (76.4%) dan mahir mencatat nota (63.7%). Namun, pelajar politeknik Selangor didapati menghadapi masalah dalam menyampaikan semula ilmu pengetahuan yang dimiliki. Hanya 16.2% sahaja pelajar memiliki kemahiran tersebut

Jadual 1: Statistik Deskriptif kemahiran belajar

	N =229	1	2	3	4	5	Min	Sisihan Piawai	Tahap
		n	n	n	n	n			
		(%)	(%)	(%)	(%)	(%)			
1. Saya sentiasa berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan		1 (0.4)	3 (1.3)	33 (14.4)	103 (45)	89 (38.9)	4.21	.765	T
2. Saya sentiasa berdikari dalam pembelajaran diri sendiri			5 (2.2)	40 (17.5)	111 (48.5)	73 (31.9)	4.10	.757	T
3. Saya sentiasa bertanggungjawab dalam pembelajaran diri sendiri		2 (0.9)	2 (0.9)	40 (17.5)	111 (48.5)	74 (32.3)	4.10	.777	T
4. Saya mampu menilai ilmu pengetahuan yang dikehendaki			4 (1.7)	50 (21.8)	109 (47.6)	66 (28.8)	4.03	.760	T
5. Saya mampu memilih ilmu pengetahuan yang dikehendaki			5 (2.2)	46 (20.1)	105 (45.9)	73 (31.9)	4.07	.777	T

6. Saya tidak mampu menyampaikan semula ilmu pengetahuan yang dimiliki*	11 (4.8)	43 (18.8)	83 (36.2)	55 (24)	37 (16.2)	3.28	1.092	S
7. Saya mempunyai kemahiran mendengar yang baik	1 (0.4)	5 (2.2)	40 (17.5)	118 (51.5)	65 (28.4)	4.05	.765	T
8. Saya mempunyai kemahiran membaca yang baik	1 (0.4)	3 (1.3)	40 (17.5)	92 (40.2)	93 (40.6)	4.19	.799	T
9. Saya mempunyai kemahiran mencatat nota yang baik	2 (0.9)	10 (4.4)	71 (31)	94 (41)	52 (22.7)	3.80	.869	T
10. Saya mempunyai kemahiran mengingat yang baik		14 (6.1)	71 (31)	94 (41)	50 (21.8)	3.79	.855	T
11. Saya mempunyai sifat ingin tahu yang sangat mendalam	1 (0.4)	3 (1.3)	44 (19.2)	95 (41.5)	88 (37.6)	4.14	.801	T
12. Saya mendapatkan maklumat dari pelbagai sumber (memerhati, buku, internet, bertanya kepada orang lain)	1 (0.4)	2 (0.9)	35 (15.3)	103 (45)	88 (38.4)	4.20	.757	T
13. Saya mempunyai motivasi yang tinggi untuk mempelajari perkara baru		3 (1.3)	40 (17.5)	111 (48.5)	75 (32.8)	4.13	.735	T
14. Saya berusaha bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu kerja hingga berjaya	1 (0.4)	2 (0.9)	35 (15.3)	93 (40.6)	98 (42.8)	4.24	.773	T

Kemahiran belajar**4.02****0.541****T**

1:Lemah 2: Kurang Memuaskan

3:Sederhana

4:Baik

5:

Cemerlang

T:Tinggi

S:Sederhana

* item recode

Persoalan kajian yang kedua untuk melihat perbezaan kemahiran belajar di antara politeknik Selangor dapat dijelaskan melalui hasil kajian analisis inferensi menggunakan Anova satu hala. Hasil analisis ANOVA mendapati bahawa terdapat perbezaan signifikan bagi kemahiran belajar iaitu sekurang-kurangnya di antara dua buah politeknik di negeri Selangor. Ini dilihat dari SS (*Sum of squares*) yang menunjukkan nilai $F= 3.356$, $p<.05$ seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 2. Justeru, jadual multiple

47

comparison (Jadual 3) dirujuk bagi melihat pasangan politeknik yang berbeza. Analisis menunjukkan perbezaan kemahiran belajar yang signifikan hanya terdapat antara pelajar PBS (min=3.84, sp=.506) dengan pelajar PSA (min=4.07, sp=.543), $p < .05$.

Jadual 2: ANOVA kemahiran belajar

ANOVA					
Kemahiran belajar					
	Sum of Squares	Df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	1.926	2	.963	3.356	.037
Within Groups	64.840	226	.287		
Total	66.766	228			

Jadual 3: Multiple comparison kemahiran belajar

Multiple Comparisons						
Dependent Variable: kemahiran belajar						
Scheffe						
(I)	(J)	Mean	Std.	95% Confidence		
Polite	Polite	Differenc	Error	Sig.	Lower	Upper
knik	knik	e (I-J)			Bound	Bound
PBS	PSA	-.221*	.092	.045	-.44	.00
	PSIS	-.237	.104	.062	-.48	.01
PSA	PBS	.221*	.092	.045	.00	.44
	PSIS	-.016	.084	.980	-.22	.18
PSIS	PBS	.237	.104	.062	-.01	.48
	PSA	.016	.084	.980	-.18	.22

*. The mean difference is significant at the 0.05 level.

5.0 Perbincangan kajian

Hasil analisis deskriptif mendapati bahawa tahap kemahiran belajar pelajar politeknik berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min=4.02, sp=0.541. Ini menunjukkan bahawa kaedah PBM dalam sesi P&P membolehkan pelajar memiliki kemahiran belajar yang tinggi. Dapatan ini selari dengan dapatan Musliha Salma (2010) dalam kajiannya yang mendapati bahawa tahap kemahiran belajar pelajar kelas reka cipta melalui PBM berada pada tahap yang tinggi dengan min 4.20. Pelajar politeknik Selangor didapati memiliki motivasi yang tinggi dalam mempelajari perkara baru, 38.9% pelajar politeknik Selangor cemerlang dalam usaha meningkatkan ilmu dan 37.6% pelajar politeknik Selangor pula mempunyai kemahiran belajar yang tinggi apabila memiliki sifat ingin tahu yang mendalam. Penemuan ini juga menyokong penemuan Gambill, Moss, &

Vescogni (2008) yang mendapati bahawa pelajar yang menunjukkan minat yang tinggi menyumbang kepada kemahiran belajar yang tinggi. Malah, pelajar politeknik Selangor juga didapati mempunyai kemahiran yang cemerlang dalam membaca, mendengar, dan mencatat nota.

Dapatan ini menunjukkan pelajar politeknik Selangor mengamalkan sikap berdaya saing dan komited dalam menguasai pelbagai ilmu dan kemahiran serta mampu mengaplikasikan konsep '*learning how to learn*'. Menurut Cornish (2007) konsep tersebut sangat diperlukan oleh pelajar. Dalam aspek pekerjaan, majikan memerlukan pekerja yang memiliki kemahiran '*learning how to learn*' bagi membolehkan pekerja beradaptasi dengan perubahan di tempat kerja seperti penggunaan teknologi yang canggih yang sentiasa berubah; boleh menyumbang kepada penambahbaikan dan peningkatan diri dan operasi organisasi secara berterusan (ACCI, 2002). Malah, Nurahimah et.al, (2012) berpandangan bahawa sikap bersungguh dalam menguasai ilmu, berdaya saing dan mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran seperti yang dimiliki oleh pelajar politeknik Selangor ini sangat diperlukan oleh majikan lebih-lebih lagi pelajar yang memiliki tahap kemahiran belajar yang tinggi. Sikap dan kemahiran tersebut dapat membantu sesuatu proses pengekodan maklumat menjadi efisien dan lebih pantas.

Kemahiran belajar merujuk kepada pembelajaran sepanjang hayat untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran agar memenuhi keperluan dan perkembangan semasa. Elemen PBM dilihat terbukti menjadikan pelajar pelajar bertanggungjawab ke atas pembelajaran mereka seperti yang dinyatakan oleh Ann Lambros (2004) sehingga mereka sentiasa berusaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan mereka. Rasa tanggungjawab pelajar dapat ditingkatkan melalui usaha mereka untuk fokus kepada masalah yang dibincangkan serta membolehkan mereka menghasilkan kualiti kerja yang baik. Suasana pembelajaran juga melatih pelajar bekerjasama menangani semua isu pembelajaran yang timbul apabila pelajar menyelesaikan tugas secara kumpulan. PBM membolehkan guru membentuk nilai kepimpinan dan kerjasama dalam diri pelajar melalui peranan ketua kumpulan. Ketua kumpulan perlu membuat pengagihan tugas agar setiap ahli diberi tanggungjawab untuk menyelesaikan tugas yang diberi.

42.8% pelajar politeknik Selangor didapati cemerlang dan bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu kerja hingga berjaya. Ini dilihat dalam item 14 yang mencatat nilai min tertinggi dengan nilai 4.24, sp 0.773. Hal ini membuktikan bahawa pelajar politeknik Selangor memiliki nilai 'kebertanggungjawaban' yang tinggi, boleh berdikari dalam pembelajarannya sendiri dan sentiasa berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan. Dapatan ini juga menggambarkan bahawa kaedah PBM dalam kursus STK mampu mendidik pelajar dengan nilai-nilai Islam dan menjadikan mereka tekun dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Nilai Islam yang diterapkan dalam pembelajaran iaitu tuntutan untuk melakukan kerja dengan bersungguh-sungguh dapat diaplikasikan dengan baik sesuai dengan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam al-Baihaqi yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah SWT mengasihi seseorang yang apabila melakukan sesuatu kerja, dia melakukannya dengan tekun”.

Namun, pelajar politeknik Selangor didapati menghadapi masalah dalam menyampaikan semula ilmu pengetahuan yang dimiliki. Hanya 16.2% sahaja pelajar memiliki kemahiran tersebut. Kemahiran mengingat merupakan perkara yang sangat penting dalam proses pembelajaran (Mohd Najib & Nor Shafrin 2008). Kebolehan menyampaikan semula ilmu yang dimiliki sangat bergantung kepada faktor ingatan atau kemahiran mengingat pelajar. Kemampuan dan prestasi pelajar menentukan sejauhmana kemahiran mengingat dipertingkatkan. Selain daripada menggunakan PBM, kaedah P&P yang lain boleh dikenalpasti untuk melatih pelajar menyampaikan semula ilmu pengetahuan yang dimiliki, contohnya menggunakan teknik pengukuhan pembelajaran seperti latihan tubi. Latihan tubi dapat meningkatkan daya ingatan pelajar dalam proses pembelajaran. Sungguhpun demikian, tingkahlaku pelajar itu sendiri merupakan penentu kepada kejayaan pelaksanaan PBM. PBM tidak dapat membantu pelajar menguasai kemahiran belajar sekiranya mereka pasif dan enggan bersikap dengan sewajarnya (Norfidah et.al, 2012).

Dalam kajian ini didapati bahawa terdapat perbezaan signifikan bagi kemahiran belajar antara pelajar PBS (min=3.84, sp=.506) dengan pelajar PSA (min=4.07, sp=.543), $p < .05$. Pada pandangan pengkaji, perbezaan ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor. Pengkaji melihat sebab utama yang menyumbang kepada perbezaan kemahiran belajar ialah bilangan kemasukan dan enrolmen pelajar yang jauh berbeza bagi ketiga-tiga politeknik. Enrolmen pelajar PBS adalah sangat sedikit berbanding kemasukan pelajar di PSA. Perbezaan ini menyebabkan lebih ramai pelajar PBS terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di peringkat institusi, kementerian ataupun antarabangsa berbanding pelajar PSA. Malah, aktiviti dan program berkenaan mungkin melibatkan pelajar yang sama berbanding di PSA yang mana peluang untuk pelajar yang sama adalah lebih rendah atau disertai oleh pelajar PSA yang berbeza. Masa dan kekerapan penglibatan pelajar terhadap aktiviti menyebabkan kemahiran belajar PBS dan PSA berbeza. Pandangan pengkaji adalah selari dengan pandangan Ahmad Rizal et al. (2005) yang menyatakan bahawa iklim dan faktor persekitaran merupakan antara penyebab yang mempengaruhi kemahiran belajar pelajar.

Selain daripada itu, strategi dan motif pelajar mempengaruhi bagi gaya pembelajaran pelajar yang membezakan hasil pembelajaran antara pelajar seperti yang dinyatakan oleh Rasidah (2007). Perbezaan gaya belajar dan strategi belajar juga disebabkan oleh sifat kognitif, fizikal, sosial, emosi, moral, tingkahlaku, atau bakat seseorang (Santhi Suppiah, 1998; & Dunn & Dunn, 1978). Hal ini menyebabkan kadar pembelajaran juga berbeza antara seseorang dengan norma kumpulannya. Kefahaman pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran bergantung kepada gaya pembelajaran yang diamalkan. Maka, sebagaimana yang dicadangkan oleh Baharin et al (2007), para guru perlu mengenalpasti perbezaan latarbelakang dan pengetahuan sediaada pelajar serta kepelbagaian gaya belajar mereka ketika menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran bagi membantu pelajar menguasai kemahiran belajar yang lebih baik.

6.0 Kesimpulan

PBM merupakan kaedah yang berkesan untuk meningkatkan kemahiran belajar pelajar secara berterusan yang berasaskan konsep 'learning by doing'. Ia juga membantu pelajar belajar secara aktif, lebih bermotivasi untuk belajar serta membantu pelajar lebih menguasai sesuatu matapelajaran termasuklah pendidikan Islam seperti kursus STK. Nilai-nilai ilmu Islam yang dipelajari daripada kursus STK membolehkan pelajar mengaplikasikan ilmu ini sepanjang hayat mereka serta membentuk mereka menjadi modal insan yang diperlukan oleh negara dan majikan. Adalah diharapkan agar pelajar dapat dibimbing untuk menguasai kemahiran belajar melalui penggunaan kaedah PBM dalam proses P&P atau menggunakan kaedah yang lain bagi memupuk rasa tanggungjawab sendiri pelajar, menjadikan mereka lebih berdikari hingga mereka mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat ke arah kehidupan yang lebih cemerlang serta membantu menjana dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada masa akan datang.

Rujukan

Ab. Halim Tamuri & Siti Muhibah Haji Nor (2015). Prinsip pembelajaran aktif dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan islam. *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan. Bil 3 (2) : 28-42*

ACCI. (2002). *Employability skills: An employer perspective. Getting what employers want out of the too hard basket*. Sydney: Australian Chamber of Commerce and Industry (ACCI).

Ahmad Firdaus (2007). *Hubungan di Antara Kemahiran Generik dengan Pencapaian Pelajar tahun Empat Pendidikan Teknik Kejuruteraan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.

Ahmad Rizal Madar, Nurul Akmar Kamaruddin & Saifullizam Puteh (2005). faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam menguasai mata pelajaran kejuruteraan di Politeknik-politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. *Prosiding Seminar Pendidikan JPPG*. Fakulti Pendidikan Teknikal. hlm.52-59

Akmal Nor Wajihah Ahmad (2018), kemahiran dan teknologi dalam menghasilkan sumber manusia yang mampu meningkatkan mutu kerja dan produktiviti. *Trends in Undergraduate Research 1(1): h45-49*

Alizah Lambri & Zamri Mahamod (2015). Pelaksanaan aktiviti pembelajaran berasaskan masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, Jil 6, 2015, 98-117

Baharin Abu, Othman Md Johan, Syed Mohd Shafeq Syed Mansor, Haliza jaafar (2007). *Kepelbagaian gaya Pembelajaran dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan , UTM Johor*. Vot 71881. Universiti Teknologi Malaysia.

Dunn, R. dan Dunn, K. (1978). *Teaching students through their individual learning styles: A practical approach*. Reston, Virginia: Reston Publishing.

Gambill, J. M., Moss, L. A. & Vescogni, C. D. (2008) Promoting academic achievement in the middle school classroom: integrating effective study skills instruction. Dicapai dari www.eric.ed.gov/ERICWebPortal/recordDetail?accno=ED510601

Kamaruddin Mat Rejab (2000). *Persepsi Tentang Amalan Kemahiran Belajar di Kalangan SPA/E/J (KDPK) Dalam Pembelajaran*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana Muda. Tidak diterbitkan.

Linley Cornish (2007). *Creative Teaching, Effective Learning in Higher Education*. Reserach in Educational Education and Sustainability School of Education. University of New England Armidale. Tidak diterbitkan.

Mohd Izham, M. H., Juriah, L., Khalid, A., Zaini, M., Hamidah, Y., Zarin, I., & Rosima, A. (2011). Dalam: Zamri Mahamod, Jamalul Lail Wahab & Mohammed Sani Ibrahim. *Transformasi dan Inovasi dalam Pendidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohd Majid Konting (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Najib Abdul Aziz & Nor Shafrin Ahmad (2008). Kemahiran belajar dan hubungannya dengan pencapaian akademik: kajian di Daerah Kerian., Perak. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. Jil 23: 29-47

Mohd Yunus Noor. (1990). *Psikologi belajar dan teknik belajar yang berkesan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Musliha Salma Mohd Radzi (2010). *Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.

Nurahimah Mohd Yusoff, Rafisah Osman, Abdull Sukor Shaari, Mohd Izam Ghazali (2012). *Kemahiran Belajar Dalam Kalangan Pelajar Bidang Pendidikan*. Diakses dari <http://www.fp.utm.my/epusatsumber/listseminar/medc2012/pdf/63.pdf>.

Rasidah Rashid (2007). *Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dengan Motivasi Dalam kalangan Pelajar di Sebuah Sekolah Menengah Luar Bandar, Sabah*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.

Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi). 2015

Rufaizal Che Mamat & Azuin Ramli (2015). Kemahiran belajar dan inovasi dalam pembelajaran abad ke-21 melalui khemah kerja geoteknik. *Advanced Journal of Technical and Vocational Education 1 (3):50-54*

Salmiza Saleh & Afik Aziz (2012). Kemahiran belajar dalam kalangan pelajar aliran sains di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Diakses dari <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/listseminar/medc2012/pdf/3.pdf>

Sarena Abdul Karim (2003). Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat Di Dua Buah Sekolah Di Negeri Sembilan. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan PSM. Tidak diterbitkan.

Zuriawahida Zulkifli (2016). *Keberkesanan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah Dalam Meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dan Menyelesaikan Masalah Dalam Kalangan Pelajar*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.